

# Ibu bapa perlu faham adab dalam masjid

» *Pengurusan rumah ibadat disyor adakan program bermanfaat*

Oleh Wan Nur Faliqha  
Wan Hazani  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**P**engurusan masjid atau surau perlu menyediakan garis panduan dan

memberi penerangan kepada jemaah yang membawa anak kecil mereka bersama bagi mengelak gangguan kepada jemaah lain.

## **Beri nasihat, bimbingan**

Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh, berkata ibu bapa perlu memahami adab dan sunnah ketika di dalam masjid supaya dapat menasihati dan memberi bimbingan kepada anak mereka.

"Amalan dalam sunnah ialah kanak-kanak berada di saf

belakang makmum lelaki dewasa, bukan saf yang sama. Jika kanak-kanak lelaki berada di belakang makmum perempuan, ia juga bercanggah dengan sunnah," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Nik Salida berkata, kanak-kanak perlu diterangkan mengenai adab di dalam masjid seperti tidak berlari atau berkejaran sehingga mengganggu jemaah lain, perlu diam dan memahami isi khutbah serta tidak membuat bising.

Beliau yang juga Pengarah Kolej Permata Insan USIM, berkata pihak masjid juga bo-



Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh

leh menyediakan bilik tertutup untuk kanak-kanak yang belum cukup syarat, tetapi ingin berada di dalam ruang solat, namun mereka perlu diawasi oleh ahli kariah secara bergilir-gilir.

"Malah pentadbiran masjid juga boleh mengadakan aktiviti yang menarik kepada kanak-kanak seperti memberi pendidikan ilmu dan agama," katanya.